



• HEBAT! Masing-masing tunjuk handal. Gambar BM Oleh SIMON KER.

## Terbang hebat membuka silat pertahan diri

23 AUG 1987

Berita Minggu

MEREKA terbang seperti *Ninja*. Mereka menepis bagai panglima yang gagah.

Begitulah kehebatan yang ditunjukkan oleh dua pesilat wanita adik-beradik ini, iaitu Shamsidah dan Badariah Hosni.

Mereka adalah antara tiga wanita dan tujuh pesilat lelaki yang akan mewakili Singapura ke Sukan SEA di Jakarta dari 9 hingga 20 September ini.

Para peserta lain yang menyertai rombongan Singapura itu terdiri daripada Talib Tambi, Mohd Anuar Aziz, Zakariah Daud, Azman Amat, Azrin Rahim, Jamal Jantan dan Sheikh Allaudin, sementara seorang lagi peserta wanita ialah Hazrah Ashraf.

*PERSIKI LAM*

Mereka akan menyertai tujuh kelas pertandingan yang berlainan.

Pengerusi Persisi, Haji (Rahim Dayan,) memberitahu *Berita Minggu*, mereka ini

adalah antara 17 orang yang mulanya dipilih untuk mengikuti latihan intensif sejak lewat tahun lalu.

"Bagaimanapun, memandangkan pernyataan kami lebih tertumpu kepada mutu persembahan 'maka Persisi mengambil keputusan untuk memilih sepuluh orang saja," kata beliau.

Inilah pertama kali Sukan SEA menyertakan silat sebagai salah satu daripada acara pertandingan.

Dijangka kira-kira 100 orang pesilat dari lima buah negara — Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei dan Thailand akan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Singapura, menurut Haji Rahim berharap untuk merangkul tiga pingat emas selain daripada pingat perak dan gangsa.

Berita lanjut Lihat Muka Tiga.